

Semangat Islam Hadhari untuk penduduk dunia – PM

Daripada ZIN MAHMUD

DAVOS, Switzerland 25 Jan. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyaranan supaya semangat Islam Hadhari dijadikan asas inspirasi bagi suatu tata keejiranan global dalam dunia pelbagai budaya untuk mencapai kesatuan manusia sejagat.

“Apakah semangat lebih baik untuk meraikan kesatuan kita dalam kepelbagaian sebagai anggota keluarga besar manusia dalam satu alam semesta yang mengandungi begitu banyak aneka keindahan?” kata Perdana Menteri merujuk kepada semangat Islam Hadhari ketika menyampaikan ucapan pembukaan pada sesi pleno Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Dewan Kongres, Kongresszentrum di sini hari ini.

Berucap kepada para peserta yang terdiri daripada tokoh-tokoh politik, ekonomi, perniagaan, akademik, budaya dan masyarakat sivil, beliau berkata, semangat Islam Hadhari juga wujud dalam setiap agama, budaya dan falsafah.

“Ia adalah semangat yang menggalakkan toleransi dan persefahaman, kesederhanaan dan perdamaian, serta juga kebebasan dan keadilan untuk semua. Ia juga adalah semangat yang menolak ketidak-saksamaan, penindasan, ekstremitisme dan kekerasan,” ujar beliau pada sesi yang bertajuk *Tata Bagi Kejiranan Global Dalam Dunia Pelbagai Budaya*.

Menurut Abdullah, Islam Hadhari adalah untuk semua penganut agama Islam di mana-mana saja.

Katanya, konsep itu membolehkan orang Islam bersifat inovatif, kreatif dan relevan pada zaman sains moden dan teknologi serta membolehkan orang bukan Islam lebih menghargai ciri sebenar Islam.

Perdana Menteri memberitahu sesi ke-52 WEF di bawah tema pelbagai tamadun pada hari kedua per-

Um = 26/1/2007
Ia adalah semangat yang menggalakkan toleransi dan persefahaman, kesederhanaan dan perdamaian, serta juga kebebasan dan keadilan untuk semua

sidangan itu bahawa beliau memperkenalkan Islam Hadhari atau Islam tamadun kepada rakyat Malaysia sebagai suatu pendekatan bagi penghargaan yang wajar terhadap agama Islam sebagai cara hidup pada zaman moden ini.

Beliau menjelaskan bahawa Islam Hadhari adalah usaha untuk amalan, antaranya keadilan dan urus tadbir baik; kebebasan dan kemerdekaan; kebajikan rakyat; perlindungan golongan minoriti; pembangunan seimbang; mencintai pengetahuan; dan integriti moral.

Katanya, Malaysia yang mempunyai masyarakat yang mengandungi pelbagai agama dan budaya menghargai kepentingan prinsip universal bagi kehidupan berharmoni seperti yang diajar dalam Surah *al-Hujurat*, ayat 13.

Persefahaman

Sesi WEF yang membincangkan usaha dialog dan persefahaman bersama Barat dan Islam itu disertai oleh lima ahli panel, salah seorangnya ialah bekas Presiden Iran, Mohammad Khatami.

Di pihak Barat, ahli panelnya terdiri daripada Jurucakap kerajaan Perancis, Jean-Francois Cope yang juga Menteri Reformasi Bajet dan Negara dan Presiden Jawatankuasa Antarabangsa Yahudi bagi Hubungan Antara Agama Amerika Syarikat, Ketua Rabbi David Rosen.

Abdullah menegaskan bahawa semua pihak perlu memberi fokus kepada usaha membangunkan persefahaman dan saling bersikap em-

pati dalam keejiranan pelbagai budaya.

“Ini adalah dimensi agama yang kita patut tekankan dalam keejiranan yang kian bertambah diglobalisasikan,” katanya.

Abdullah yang tiba di sini Selasa lalu dijadualkan berada di Davos sehingga Sabtu ini. Penyertaan beliau dalam Sidang Tahunan WEF ini adalah kali pertama sebagai Perdana Menteri.

Menurut beliau, walaupun manusia hidup dalam sebuah keejiranan pelbagai budaya tetapi hubungan keejiranan amat kurang dalam hubungan sesama sendiri.


“Sekali sekala kita berhubung antara satu sama lain umpamanya semasa berlaku bencana alam. Tetapi pada kebanyakan masa kita tidak mempedulikan antara satu sama lain. Malah, dalam banyak bahagian keejiranan global ini, kematian dan pemusnahan berleluasa.

“Bangsa manusia terpisah dengan mendalam. Dalam sebuah tata global yang memihak kepada yang kuat, pihak lemah akan berasa terancam. Ketidakadilan dan ketidak-saksamaan berleluasa.

“Jurang luas perbezaan pemilihan harta dan kuasa memisahkan kita. Perasaan negatif mengatasi sentimen positif. Ketidakpercayaan dan syak wasangka tersebar ketika mana kebencian dan prasangka berkembang,” katanya.

Beliau berkata, kedua-dua pihak yang kuat dan lemah menggunakan kekerasan dan keganasan untuk mencari penyelesaian kepada masalah.

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Presiden Palestin, Mahmoud Abbas ketika menghadiri majlis makan malam anjuran Pengerusi Eksekutif Forum Ekonomi Sedunia, Prof. Klaus Schwab di Davos, Switzerland, kelmarin.

- Utusan

- Bernama